

BAB 1

PENGENALAN

Dalam perkembangan peradaban, agama merupakan elemen penting yang sering dilihat sebagai kayu pengukur tahap tersebut. Ini bermakna agama merupakan salah satu prasyarat penting selain beberapa kriteria termasuk kewujudan sistem tulisan dan bahasa, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya.

Agama sebenarnya mempunyai kaitan rapat dengan peradaban. Kebanyakan peradaban di dunia wujud berteraskan agama.. Peradaban yang terbentuk adalah berpaksikan kepada pandangan alam semesta dan doktrin dari agama tersebut. Contohnya kepercayaan ke Esaan tuhan atau tauhid merupakan teras kepada Tamadun Islam. Sementara tamadun yang berteraskan kepada agama Buddhisme berpaksi kepada doktrin "*Jalan Lapan Lapis*" (*Eight Fold Path*).¹

Agama didefinisikan oleh Carl Jung yang hidupnya antara tahun 1875 hingga 1961 sebagai satu penjelmaan tatacara yang dikembangkan oleh manusia untuk menjalani kehidupan disebabkan ketakutan dan kekecewaan yang berlaku di luar kesedarannya. Selain itu, A.C. Bouquet menyatakan bahawa agama merupakan satu bentuk perhubungan yang terjalin antara manusia dengan sesuatu

¹ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 1**, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 2000, hlm 5.

yang maha kuasa dan manusia mampu bergantung kepada kuasa tersebut dalam meminta perlindungan dan sebagainya.²

Berbanding peradaban dunia yang lain perkembangan mengenai Peradaban India merupakan antara yang paling unik terutamanya dari sudut keagamaannya. Ini kerana Peradaban India bukan sahaja menjadi tanah kelahiran beberapa agama dunia tetapi juga menjadi tamadun yang banyak sekali memperlihatkan hubungan antara agama-agama utama dunia. Kedua-dua perkara di atas mempunyai kebenaran yang jelas apabila pemerhatian mengenai agama Hindu dan Buddha diberikan.

Sementara dalam masa yang sama telah wujud berbagai agama yang dianuti oleh masyarakatnya termasuklah agama Islam, Kristian dan Sikh. Agama besar dunia iaitu Hinduism, Buddhism dan Islam serta beberapa agama lain termasuk Jaina dan Kristian menjadi asas dalam pembentukan tamadun India.

Walaupun penganutnya memberi kesan yang berbeza namun agama telah mencapai zaman kegemilangannya yang tersendiri. Satu perkara penting yang tidak boleh dilupakan adalah realiti bahawa perkembangan peradaban India sering dilihat berasaskan kepada agama. Ini bermakna agama menjadi dasar penting dalam tamadun masyarakatnya. Selain itu agama dalam peradaban India telah

² Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 2**, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 2000 hlm 124.

bersebuti dengan masyarakat dan kewujudannya telah lama berlangsung, sama lamanya dengan perjalanan tamadun India itu sendiri.³

Dalam membincangkan peranan dan cabaran Islam terhadap pembentukan peradaban negara India kontemporari, beberapa istilah penting mengenai tajuk ini perlu difahami. Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas terhadap tajuk kajian.

Agama secara dasar dan umumnya dapat didefinisikan sebagai satu peringkat peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan dunia lain, khususnya dengan Tuhan, mengatur hubungan manusia dengan manusia yang lain, dan mengatur hubungan manusia dengan persekitarannya.⁴

Namun begitu di dalam *Encyclopedia of Religion and Ethics*⁵ telah dinyatakan bahawa pelaksanaan “agama” didefinisikan sebagai sejenis data yang melibatkan kepercayaan cara hidup, perasaan, sikap dan sebagainya. Setiap manusia mempunyai pandangan yang berbeza tentang agama dan ia melibatkan keseluruhan cara tentang agama dan ia melibatkan keseluruhan cara hidup masyarakat atau manusia itu sendiri.

³ Ibid., hlm 125-126.

⁴ Roland Robertson, **Agama Dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi**, (terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm ix.

⁵ James Hastings, **Encyclopaedia of Religion and Ethics**, T & T Clark, Edinburgh, 1980, hlm 662.

Jadi di sini dilihat bahawa agama boleh diinterpretasikan sebagai satu sistem kepercayaan yang dianuti dan tindakan sesuatu kelompok atau masyarakat dalam menginterpretasi dan memberi respon kepada apa yang dirasakan dan dipercayai sebagai ghaib dan suci (*sacred*) yang berbeza dengan konsep duniawi (*earthly*) dan berasaskan yang ghaib (*supernatural*) yang bertentangan dengan hukum alam.⁶

Menurut A.B.Shah di dalam artikelnya *Religion and society in India*, telah menyatakan bahawa agama yang baru, wujud akibat daripada tindakbalas daripada bakal pengikutnya.⁷ Ia menunjukkan bahawa manusia datang dari pelbagai pengalaman dan rupa bentuk. Kewujudan alam dan manusia itu adalah pembentukan alam dan kejatuhan dan keruntuhan peradaban, kehidupan moral diletakkan dengan peradaban, kumpulan organisasi manusia adalah berdasarkan institusi sosial. Jadi agama itu di anggap sebagai teori sosial bagi pengikutnya.

Dalam membentuk sistem agama, manusia memahami satu peraturan atau mengadaptasikan diri dengan proses semulajadi. Kehidupan manusia tidak dapat lari daripada agama. Pengetahuan tentang realiti yang melampaui batasan pengetahuan manusia telah memberi kesan kepada kemajuan manusia.⁸ Ia dilihat berdasarkan kepercayaan manusia itu sendiri.

⁶ Roland Robertson, **Agama Dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi**, hlm ix.

⁷ Attar Singh, **Religion and Society in India**, Somaiya Publication, New Delhi, 1981, hlm 61-62.

⁸ *Ibid.*, hlm 15.

Menurut Thomas F. O'Pea⁹, pembentukan sifat manusia ini disebabkan oleh tiga sikap iaitu manusia hidup dalam keadaan yang tidak pasti di mana keselamatan dan kebajikan di luar jangkauan (*contingency*), terdapat konflik antara kemahuannya dengan keadaan persekitaran (*powerlessness*) dan manusia hidup dalam kekurangan (*scarcity*). Jadi agama di anggap sebagai asas kepada memenuhi kekurangan ini.

"...suatu sistem kesatuan kepercayaan dan amalan yang bersifat relatif terhadap perkara yang suci iaitu segala sesuatu yang di hindari atau di larang. Agama adalah kepercayaan serta amalan yang mengajarkan moral yang tinggi kepada suatu komuniti hadirnya suatu institusi yang disebut sebagai gereja, tempat semua orang mengidentitikan diri pada agama".¹⁰

Di India sendiri, agama di kalangan orang Hindu didefinisikan sebagai dharma. Konsep dharma itu melibatkan penjagaan material dan spiritual dan pertubuhan individu dan masyarakat.

Agama merupakan asas penting kepada peradaban tersebut. Di dalam peradaban India, Hindu bukanlah satu-satu agama yang ada kerana terdapat juga agama Islam, Jaina dan Buddha, malahan Kristian juga di terima dalam masyarakat India. Jadi ditunjukkan di sini bahawa peradaban India bukannya dikuasai oleh agama Hindu sepenuhnya.¹¹

⁹ Thomas F. O'Pea, **The Sociology of Religions**, (terjemahan) New Jersey: Prentice Hall, 1966, hlm 5.

¹⁰ E. Durkheim, "Dasar Sosial Agama" di dalam buku Roland Robertson, **Agama dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi**, hlm 37.

¹¹ Azhar Hj. Md Arus, **Titas 2**, hlm 6-7.

Peradaban India

Mengikuti Kamus Dewan, peradaban merujuk kepada keadaan masyarakat manusia yang di cirikan atau di dasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu tempat); dan keadaan pemikiran (budaya, dan moral yang halus).¹²

Perkataan peradaban dalam bahasa Inggeris ialah *civilization*. Ia lahir dari perkataan Latin iaitu *civitas*, *civilis*, *civis* dan *civilitas*. Ia berkisar kepada warganegara, undang-undang dan sistem pemerintahan Rom. Istilah-istilah tersebut merujuk kepada undang-undang untuk warganegara Rom, undang-undang persendirian (*private*) dan undang-undang awam (*civil law*); ditentukan oleh undang; warganegara (*follow citizen*) dan rakan sekampung (*country man*) yang mempunyai ikatan kerana dikaitkan dengan negara bangsa (*state*); warganegara universal (*whole world*) atau kosmopolitan; dan sesebuah komuniti yang mempunyai organisasi tersusun.¹³

Dalam bahasa Tamil, peradaban dikaitkan dengan perkataan *nAkarikam*, *nakar* ialah kota/ bandar manakala *ikam* ialah pembentukan bandar. *Nakar* juga merupakan simbolik tentang penjelmaan tuhan Siva iaitu tuhan yang mencipta

¹² **Kamus Dewan** (Edisi Ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm 6.

¹³ J.R.V. Morchant & Joseph F. Charles, **Cassell's Latin Dictionary**, London Cassell & Co, London, 1957, hlm 100.

bandar. Bagaimanapun, *Cologne Tamil Online Lexicon* mendefinisikan peradaban sebagai tingkahlaku, tuturkata dan pakaian yang berkaitan dengan sesuatu bandar; peradaban; kesopanan, kehalusan budi, perbandaran, penjalinan persahabatan, dan prihatin atau kasih sayang.¹⁴

Jelas di sini bahawa peradaban mempunyai ciri-ciri tertentu. Ciri yang pertama menunjukkan bahawa peradaban mempunyai unsur undang-undang seperti yang terdapat dalam definisi bahasa Greek, Latin, Inggeris dan Islam. Tidak dinafikan bahawa masyarakat atau negara berperadaban seharusnya memiliki undang-undang yang berkesan agar hak dan kepentingan warganegara dan masyarakatnya terpelihara.¹⁵

Ciri kedua yang seharusnya ada pada sesebuah peradaban ialah anggota masyarakatnya mempunyai tingkahlaku yang baik seperti kesopanan, kehalusan budi, berperikemanusiaan dan seumpamanya. Sesebuah masyarakat berperadaban dapat di bezakan dengan masyarakat tidak berperadaban, jika anggota masyarakat mengamalkan ciri-ciri barbarism iaitu kasar, ganas, tidak sopan, tidak menepati janji dan sebagainya. Justeru, tingkahlaku yang baik ini ditekankan dalam definisi bahasa Tamil, China, Inggeris dan Arab/Islam.¹⁶

¹⁴ Mahdi Shuib, **Wacana Dailog Peradaban** dalam “Terminologi Peradaban: sukar didefinisikan mudah diperjelaskan”, Al-Hikmah Sdn Bhd, Selangor, 2000, hlm 2.

¹⁵ Ibid., hlm 3-4.

¹⁶ Ibid., hlm 4.

Perbandaran atau menjalankan kehidupan kota merupakan ciri ketiga. Hal ini menunjukkan bahawa peradaban itu bermula di bandar atau kota apabila masyarakat menjalani kehidupan bandar. Biasanya masyarakat tidak bertamadun ialah masyarakat yang tinggal terpisah dan hidup di kawasan-kawasan pedalaman.¹⁷

Ciri yang keempat berkaitan dengan harta (khazanah) dan tempat tinggal. Umran juga merujuk kepada harta dan kawasan yang didiami. Dalam bahasa Greek, *keimelion* membawa erti khazanah atau harta yang disimpan, *kei* juga mempunyai makna kediaman atau rumah. Masyarakat berperadaban mestilah tinggal menetap di sesuatu tempat dan juga memiliki harta. Harta di sini mungkin merujuk kepada harta fizikal atau harta berbentuk kemahiran atau ilmu pengetahuan.¹⁸

Daripada ciri-ciri di atas, jelas menunjukkan bahawa peradaban mencakupi pencapaian sesebuah masyarakat dalam aspek-aspek material (perbandaran, undang-undang dan harta) serta memiliki unsur-unsur moral (tingkahlaku yang baik dan *dainun* iaitu unsur penyerahan atau kepatuhan kepada tuhan).¹⁹

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.,halaman 3-4.

Dalam konteks Peradaban India, secara keseluruhannya agama memang memainkan peranan yang penting. Malahan dari sudut pembahagian perzamanan terdapat pembahagian seperti Zaman Hindu-Buddha, Zaman Islam dan Zaman Moden.²⁰ Islam yang bertapak di India sejak sekurang-kurangnya 8 M telah berupaya untuk muncul sebagai 'kuasa' yang berpengaruh dan seterusnya menentukan 'hala tuju' peradaban India. Pembentukan kerajaan-kerajaan Islam seperti Kerajaan Ghori, Kerajaan Tughluq, Kerajaan Lodi dan Mughal membuktikan hal tersebut.

Walau bagaimanapun, kehadiran kuasa Barat sejak abad ke-17 hingga 1947 telah mengubah 'carta' perjalanan peradaban ini. Islam telah menerima kesan besar dengan perubahan ekonomi, sosial dan politik. Meskipun demikian, Islam masih berupaya menjadi wadah perjuangan yang sangat kuat, hingga perjuangan politik Islam kemudiannya mewujudkan negara Pakistan. Bagi India, kemerdekaan pada tahun 1947 tidak bermakna keseluruhan orang Islam memilih Pakistan kerana ada di antaranya yang kekal di negara tersebut.

Hal ini pastinya menjadi isu yang menarik untuk melihat kedudukan Islam, peranan serta cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapinya dalam zaman yang dilihat dari sudut peradaban sebagai peradaban kontemporari.

²⁰ Lihat buku R. Rajakrishnan dan M. Rajendran, **Pengantar Tamadun India**, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1994.

Kepentingan Kajian

Pelbagai aspek akan dilihat secara mendalam terhadap perkataan agama Islam dalam peradaban India Kontemporari. Ia termasuklah aspek sosial, ekonomi, politik, sejarah dan kesusasteraan. Kajian berkaitan peranan agama Islam terhadap pembentukan peradaban India kontemporari terutamanya dalam bahasa Melayu masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Kajian kebanyakannya tertumpu kepada sejarah agama di India itu sendiri. Malahan boleh dikatakan tidak wujud kajian yang membanggakan mengenai aspek ini.

Kajian ini penting kerana ianya cuba meneliti peranan agama Islam itu terhadap pembentukan peradaban kontemporari. Agama merupakan ciri terpenting yang memainkan peranan terhadap pembentukan peradaban India pada hari ini.

Objektif Kajian

Berdasarkan latarbelakang kajian di atas, terdapat beberapa objektif utama di dalam penyelidikan ini. Pertama, mengenalpasti kehadiran, pertapakan, perkembangan dan seterusnya kedudukan Islam dalam zaman moden. Kedua, cabaran-cabaran yang dibawa oleh Islam. Ketiga, usaha-usaha Islam untuk menghadapi pelbagai cabaran tersebut. Keempat, meletakkan Islam sejajar dengan kedudukan agama-agama lain di India dalam konteks perkembangan peradaban India keseluruhannya.

Skop dan Batasan Kajian.

Kajian yang akan dijalankan mempunyai skop dan batasan kajian. Bidang kajian terbatas hanya dalam bidang peradaban dan tamadun sahaja. Penyelidikan hanya tertumpu kepada pembentukan peradaban di India dan perkembangan Islam di India. Ini tidak bermakna agama-agama lain yang wujud di India tidak penting sebaliknya ia dilakukan bagi melihat kedudukan Islam dalam perkembangan peradaban India. Kajian juga tertumpu kepada interaksi yang wujud antara agama Islam dan agama lain yang membawa kepada kewujudan peradaban yang gemilang di India. Ia juga cuba memperlihatkan peranan dan cabaran agama itu dalam usaha meletakkan Islam sejajar dengan kedudukan agama-agama lain di India.

Metodologi Kajian

Kajian ini sebahagian besarnya melalui kaedah penyelidikan perpustakaan terutamanya bahan-bahan yang membincangkan tentang agama di India terutamanya agama Islam.

Pengkaji telah menggunakan perpustakaan sebagai tempat rujukan untuk menambah dan memperlengkapkan lagi maklumat-maklumat melalui sumber seperti bahan bacaan, latihan ilmiah, tesis dan sebagainya. Pengumpulan sumber dan data bertulis dijalankan di beberapa perpustakaan. Antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan

Negara, Pusat Islam Kuala Lumpur dan sebagainya. Kaedah ini diharapkan akan membantu pengkaji dalam mendapatkan sedikit sebanyak maklumat tentang bidang kajian.

Masalah Kajian

Dalam membuat kajian, pengkaji tidak mempunyai satu rujukan yang utama yang boleh dijadikan panduan kerana kajian yang lepas tidak mengkaji secara menyeluruh peranan agama Islam terhadap pembentukan peradaban India kontemporari di mana ia hanya tertumpu pada aspek-aspek tertentu sahaja.

Kajian yang lepas bersifat historis di mana penekanan hanya diberikan kepada fakta-fakta sejarah. Pengkaji pula lebih menjurus kepada persoalan peradaban. Penulis terpaksa melakukan modifikasi untuk mendapatkan data-data serta gambaran yang sejelas-jelasnya dalam skop bidang kajian.

Kajian-Kajian Yang Lepas

Kajian terhadap Islam di India sejak kebelakangan ini telah menghasilkan pelbagai jenis penulisan bagi menunjukkan keadaan Islam dari kedatangannya hingga sekarang.

Antara penulis yang terlibat ialah Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi. Buku ini bertajuk *Sejarah Perkembangan Islam di India* dan diterbitkan oleh Khazanah Banjaria pada tahun 1992. Ia pada asalnya ditulis dalam bahasa Urdu tetapi telah

diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Buku ini berkisar tentang sejarah India sepintas lalu, proses kedatangan Islam ke India, kerajaan-kerajaan Islam di India dari awal kedatangan hingga kejatuhannya. Ia juga menunjukkan pengaruh British di India yang memberi kesan kepada masyarakat Islam di India. Buku ini juga menyentuh tentang beberapa tokoh penting yang memainkan peranan di India pada masa itu. Namun penulisan ini bersifat bias kerana penulisannya berdasarkan pandangan Islam semata-mata tanpa mengaitkan dengan faktor-faktor lain.

Selain itu, terdapat juga penulisan Islam yang memperlihatkan zaman pasca kemerdekaan. Tokoh tersebut ialah Dhurorudin Mashad. Beliau telah menulis buku *Agama Dalam Kemelut Politik Dilema Sekularisme Di India*. Beliau cuba menunjukkan gejala primodialisme agama, suku, daerah dan bahasa yang sangat kuat mewarnai kehidupan masyarakat India serta kesan negatif akibat daripada pengaruh tersebut. Buku ini ditulis bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan demokrasi di India serta keadaan dan peranan kaum minoriti Islam dan Sikh di India. Walaupun buku ini sesuai dijadikan rujukan tetapi penggunaan bahasa Indonesia menyebabkan ia sukar untuk difahami.

Buku *Islam Today A Short Introduction to the Muslim World* telah ditulis oleh Akhbar S. Ahmed juga boleh dijadikan rujukan dalam kajian ini. Buku ini telah diterbitkan oleh I.B. Tauris pada tahun 2001. Buku ini berkisar tentang kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. dan rukun Islam yang menjadi anutan dan kepercayaan semua umat Islam. Ia juga menunjukkan kejayaan negara-negara

Ottoman, Safarid dan Mughal dalam membentuk kerajaan di Turki, Iran, Pakistan dan India. Ia juga cuba menunjukkan usaha golongan minoriti Islam dalam mengekalkan identiti dan ideal berdasarkan suasana politik hari ini. Buku ini sesuai digunakan kerana ia menunjukkan senario peradaban Islam di dunia pada hari ini dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam mengekalkan identiti sebagai orang Islam. Oleh kerana buku ini berkaitan dengan Islam di dunia hari ini maka bahan berkaitan Islam di India adalah kurang untuk dijadikan rujukan sepenuhnya.

Selain itu, penulisan Maulana Wahiduddin Khan dalam bukunya *India Muslim* juga boleh dijadikan bahan rujukan dalam kajian. Buku ini berkaitan dengan kedudukan orang Islam selepas kemerdekaan, kepentingan masyarakat India Muslim, kedudukan mereka selepas kemerdekaan, isu-isu masjid yang timbul di India, kedudukan masyarakat India sebagai golongan minoriti dalam pembentukan negara dan kedudukan Islam masa sekarang. Penulis cuba menggarap realiti masyarakat Islam hari ini dengan menjadikan pengalaman hidup beliau sebagai rujukan. Oleh kerana penulisannya adalah berdasarkan pengalaman beliau maka penulisannya tertumpu kepada pandangannya sendiri. Beliau banyak menyalahkan masyarakat Islam sendiri yang tidak berusaha untuk bangkit walaupun hidup sebagai golongan minoriti.

Buku lain yang boleh dijadikan rujukan ialah *Muslim in India* yang diterbitkan pada tahun 1976. Buku ini telah diterjemahkan oleh S. Abul Hasan

Nadwi dari bahasa Urdu. Penulisannya berkaitan dengan kedudukan orang Islam di India. Buku ini cuba menunjukkan tentang pengaruh Islam dalam peradaban India, pencapaian-pencapaian Islam, pengaruh golongan sufi dan kesan mereka dalam masyarakat, kebudayaan Indo-Islam yang wujud hasil dari interaksi dan peranan yang dimainkan oleh Islam dalam tempoh kemerdekaan serta cabaran yang dihadapi olehnya. Oleh kerana buku ini diterbitkan pada tahun 1976, buku ini hanya menunjukkan kedudukan Islam hingga kepada kemerdekaan India jadi rujukan hanya tertumpu kepada zaman itu sahaja.

Pembahagian Bab.

Dalam membincangkan tentang peranan dan cabaran Islam terhadap pembentukan peradaban negara India kontemporari, saya telah membahagikan penulisan kepada beberapa bab penting. Bab satu membincangkan tentang pendahuluan yang berkisar tentang objektif, metodologi, skop, masalah kajian, kajian-kajian yang lepas serta kandungan kajian.

Bab kedua membincangkan tentang peradaban India dan pembentukan peradaban Islam di India. Dalam bahagian ini, kita akan membincangkan tentang tahap perkembangan peradaban yang boleh dibahagikan kepada tiga tahap utama iaitu peradaban awal, pertengahan dan moden. Kajian juga berkisar tentang kedatangan agama Islam di India dan pertapakan awal Islam di India. Selain itu, ia juga berkisar tentang pencapaian Islam di India.

Bab ketiga pula menunjukkan interaksi antara agama Islam dengan agama-agama lain di India yang akhirnya berjaya mengekalkan peradaban yang gemilang di India. Ia cuba menunjukkan bagaimana agama-agama ini berjaya hidup bersama-sama walaupun mempunyai ajaran yang berbeza-beza. Interaksi ini bermula dari kedatangan Islam di India sehingga kepada kedatangan British di India. Interaksi ini melibatkan politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, interaksi juga cuba melihat keadaan India selepas kemerdekaan. Ia cuba memperlihatkan situasi masyarakat Islam yang menjadi minoriti di India selepas pepecahan Pakistan.

Bab keempat pula membincangkan tentang peranan Islam itu sendiri terhadap pembentukan peradaban India kontemporari. Ia melihat kepada peranan yang dimainkan oleh Islam selepas Pasca kemerdekaan. Sebagai masyarakat minoriti, masyarakat Islam terpaksa menyesuaikan diri mereka dengan keadaan hidup di India walaupun menghadapi banyak cabaran dan rintangan dari agama-agama lain.

Bab kelima cuba melihat cabaran Islam dalam peradaban India kontemporari. Bab ini cuba melihat cabaran yang dihadapi oleh Islam selepas pasca-kemerdekaan di mana penindasan dan diskriminasi yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Islam itu sendiri. Selain itu, ia juga memperlihatkan konflik yang berlaku selepas kemerdekaan India pada tahun 1947.

Bahagian akhir sekali cuba melihatkan kesimpulan dan rumusan keseluruhan kajian ini. Ia merangkumi dari bab pendahuluan hinggalah kepada peranan yang dihadapi oleh agama Islam dan penganut agama Islam dalam peradaban India kontemporari itu sendiri.